

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN
ABDUL RAHIM
(BALING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.05.2016

Y.B. DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai hasrat untuk mewujudkan UTC di Parlimen Baling bagi memudahkan rakyat melakukan urusan dengan jabatan-jabatan Kerajaan berikutan lokasi jabatan-jabatan Kerajaan yang agak berterabur dan berjauhan antara satu sama lain di Parlimen Baling.

JAWAPAN

1. Sebagai makluman, Program Pusat Transformasi Bandar atau *Urban Transformation Centre* (UTC) merupakan satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang bertujuan membawa perkhidmatan kepada rakyat dan memastikan

kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Sehingga kini, terdapat 14 UTC yang telah beroperasi sejak penubuhan UTC yang pertama pada tahun 2012 iaitu bermula dengan UTC Melaka, di ikuti dengan UTC Kuala Lumpur, seterusnya UTC Perak, UTC Kedah, UTC Pahang, UTC Sentul, UTC Sabah, UTC Johor, UTC Sarawak, UTC Keramat, UTC Sungai Petani, UTC Labuan, UTC Miri dan UTC Sibu.

2. Konsep pelaksanaan UTC adalah menyediakan **pelbagai perkhidmatan di bawah satu bumbung** dan melangkaui waktu pejabat biasa iaitu dari jam 8.30 pagi hingga 10.00 malam, dibuka 7 hari seminggu kecuali hari kelepasan am. Oleh itu UTC mendapat sambutan yang amat baik dari masyarakat bandar yang sentiasa sibuk di mana seramai 11.4 juta orang telah mendapatkan perkhidmatan di UTC pada tahun 2015 yang lalu ataupun berjumlah 27.5 juta orang telah mendapat perkhidmatan sejak UTC pertama dibuka pada Jun 2012.
3. Untuk negeri Kedah, sebanyak 2 UTC telah beroperasi iaitu UTC di Alor Setar dan UTC Sg. Petani serta 1 *Rural Transformation Centre* (RTC) di Napoh. Buat masa ini, konsep UTC mungkin kurang bersesuaian untuk dilaksanakan di

Daerah Baling kerana permintaan adalah kurang bagi perkhidmatan yang disediakan sehingga 10 malam setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad.